

Islam bukan agama bangsa atau kaum



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin



MASJID Niujie mula dibina pada 996 Masihi adalah masjid tertua di Beijing.

Islam mula bertapak di China pada abad ketujuh iaitu ketika zaman Khalifah Utsman bin Affan (644 hingga 656 Masihi) dan zaman Dinasti Tang (618 hingga 906 Masihi).

Saad bin Abi Waqqas mengetuai rombongan bertemu maharaja ketika itu yang memerintahkan supaya dibina masjid pertama di China dikenali Masjid Huaisheng atau Great Mosque of Canton.

Kedatangan Islam ke China melalui jalan sutera laut dari Semenanjung Arab ke Guangzhou (atau Canton) di bahagian tenggara China dan jalan sutera darat dari Semenanjung Arab melalui Asia Tengah dan Wilayah Xinjiang hingga Xi'an.

Sebuah masjid dikenali sebagai Great Mosque of Xi'an juga dibina pada 742 Masihi.

Pada ketika Islam sudah pesat berkembang di China, alam Melayu masih berada bawah

pengaruh Hindu-Buddha. Masyarakat di Nusantara belum mengenal Islam.

Bagaimana pula kedatangan Islam ke Tanah Melayu? Ada tiga teori. Satu daripada teori yang kuat ialah Islam datang dari timur iaitu China.

Penemuan Batu Bersurat Terengganu bertarikh 1899 Masihi di Kuala Tersat, Kuala Berang, Terengganu sebagai satu buktinya.

Jelas menunjukkan bangsa Cina menganut Islam jauh lebih awal

daripada orang Melayu. Jumlah penduduk Cina Islam di China juga jauh lebih ramai daripada keseluruhan penduduk Malaysia.

Di Malaysia, majoriti orang Islam adalah Melayu. Maka, bangsa lain menyimpulkan Islam adalah agama bagi orang Melayu saja. Sesungguhnya ini anggapan salah.

Masyarakat Cina selalu dikaitkan dengan Buddha atau Tao, sementara masyarakat India

dikatakan beragama Hindu. Ini bentuk segregasi (pemisahan) agama mengikut kaum dan bangsa yang memberikan gambaran silap terhadap Islam.

Islam bukan agama untuk bangsa atau kaum tertentu, sebaliknya milik semua bangsa manusia. Misalnya, ada Melayu Islam, Cina Islam, India Islam, Kadazan Islam, Iban Islam dan banyak lagi.

Mengikut statistik Jabatan Perangkaan

Malaysia, pada 2000, jumlah penduduk Cina di Malaysia adalah 6.1 juta orang. Daripada jumlah itu, 61,000 atau 1 peratus daripada keseluruhan penduduk Cina beragama Islam.

Kedatangan orang Cina ke Tanah Melayu seawal waktu persinggahan dari pelayaran Laksamana Cheng Ho ke Melaka pada abad ke-15. Dalam pelayaran bersama Cheng Ho yang juga seorang Cina Islam, ada beberapa Cina

Islam yang turut bersama beliau.

Ini menjadi bukti bagaimana Bukit Cina yang asalnya adalah perkampungan Cina menjadi tanah perkuburan Cina dan ada beberapa kubur dimiliki orang Cina Islam.

Ketika penjajahan, pihak British juga membawa masuk orang Cina termasuk ke North Borneo atau Sabah.

Pada 1903, seramai 108 keluarga dari utara China (Tianjin tidak jauh dari Beijing) dibawa masuk. Mereka termasuk enam keluarga Cina Islam (keturunan Hui) yang kemudian membentuk masyarakat Cina Islam Shandong di Kota Kinabalu, Sabah.

Kini, keturunan mereka sudah masuk generasi kelima. Mereka mungkin menganut Islam seawal tahun 1000 Masihi. Ini kerana sebuah masjid tertua di Beijing - Masjid Niujie mula dibina pada 996 Masihi.

Namun, ada yang menganggap mereka muallaf, walhal keturunan mereka sudah menerima Islam sebelum Islam sampai ke sini.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di UPM